

**Perlu Tingkat Kemahiran Berfikir Secara Kreatif Dan Inovatif – Najib Bernama
Jun 28, 2011**

ALOR SETAR, 28 Julai (Bernama) -- Meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif merupakan hasrat utama yang ingin dilihat dalam penambahbaikan sistem pendidikan negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata kaedah yang diguna pakai sekarang seperti penghafalan perlu dilakukan anjakan kepada teknik yang lebih mencabar minda supaya pelajar dapat berfikir dengan lebih kreatif dan inovatif.

"Kementerian Pelajaran telah membuat semakan sistem pendidikan dan hasrat yang ingin dilihat melalui penambahbaikan itu adalah menentukan kurikulum yang tiada lagi rote learning (menghafal)," katanya pada sesi dialog bersama rakan Facebook (FB) Perdana Menteri pada Majlis Mari Berjumpa Mari Berhubung di sini Khamis.

Perdana Menteri berkata kemahiran menguasai bahasa selain Bahasa Kebangsaan juga mesti dilakukan kerana jika ingin bekerja dengan syarikat bertaraf global, ia menjadi kriteria yang paling utama.

"Perlu kuasai dua atau tiga bahasa tetapi bahasa kebangsaan juga jangan dilupakan," katanya.

Najib berkata kerajaan juga berharap lebih ramai pelajar mempelajari jurusan Sains dan Teknologi kerana untuk menjadi sebuah negara berteraskan Pengetahuan-Pendidikan, rakyat perlu mahir dalam bidang berkenaan.

"Nisbah pada masa kini menunjukkan lebih pelajar dalam jurusan Sastera, jadi untuk menjadi negara berteraskan Knowledge-Education, perlu tentukan sebahagian besar pelajar masuk jurusan Sains dan Teknologi," katanya.

Pada majlis yang dihadiri lebih 100 rakan FB terpilih dari Kedah dan Perlis itu Najib yang turut ditanya mengenai makanan kegemaran serta menu pilihan sempena Ramadan menjawab: "Saya tidak menolak semua makanan yang sedap."

Beliau berkata bagaimanapun jika pulang ke Pahang, ikan patin buah liar masak tempoyak menjadi pilihan utamanya selain daging salai masak kuning yang berasal dari Negeri Sembilan, tempat asal isterinya Datin Seri Rosmah Mansor.

"Selain itu saya juga suka nasi dagang, nasi lemak dan kalau di sini (Kedah) suka ikan pekasam, tapi kena pastikan makanan itu sihat sebab saya mudah naik berat badan, dan sekarang hanya boleh main golf dan ke gim sahaja kerana alami kecederaan lutut.

"Isnin depan saya akan jalani pembedahan di bahagian lutut supaya dapat bergerak seperti biasa, tapi doktor cakap ia tidak serius sangat," kata Najib.

Sementara itu, seorang rakan FB Najib, Mohd Firdaus Aziz, 29, dari Padang Besar, Perlis berkata dia sangat teruja dapat berjumpa dengan Perdana Menteri secara dekat serta dapat berinteraksi dengan pemimpin nombor satu negara dengan lebih terbuka.

"Saya sanggup mengambil cuti semata-mata mahu berjumpa dengan Perdana Menteri. Ini adalah peluang yang tidak boleh saya lepaskan kerana sebelum ini saya hanya melihatnya melalui media sahaja," katanya.

Dia berharap perjumpaan seumpama itu dapat diteruskan kerana melaluinya, pemimpin dapat mengetahui masalah rakyat dengan lebih cepat terutamanya yang dihadapi

golongan muda.

Shafrida Mohd Sabirin, 32, yang menjadi rakan FB Najib sejak setahun yang lalu berkata peluang untuk berjumpa dengan beliau hari ini sangat dinantikannya.

"Perjumpaan ini menunjukkan Perdana Menteri kita seorang yang berjiwa rakyat kerana sanggup meluangkan masa berjumpa dengan kami. Sebelum ini perbincangan hanya melalui FB, tetapi hari ini setiap soalan yang ditanya, dijawabnya secara langsung," katanya yang datang dari Kulim.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=604693>